

Ahli - Ahli Yang Berhormat,

Atas usaha-usaha Kerajaan melalui APM seperti yang dinyatakan sebelum ini, APM telah menasaskan pendaftaran seramai 2 juta anggota sukarela sehingga penghujung tahun 2017 dengan pencapaian semasa pendaftaran yang direkodkan di dalam Sistem Pendaftaran Anggota Online MyAPM adalah seramai hampir 1.7 juta orang anggota (**\*\* Nota jumlah keseluruhan adalah 1,694,111 – data sehingga 22 November 2017** ). Pendaftaran anggota ini tidak meliputi jumlah pendaftaran anggota secara manual iaitu pendaftaran menggunakan borang dan diserahkan di pejabat Pertahanan Awam Negeri dan Daerah, sebelum didaftarkan ke dalam sistem MyAPM. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, APM juga sedang dalam usaha untuk mendaftarkan seramai 200,000 ahli *National Union of The Teaching Profession Malaysia* (NUTP) di seluruh Malaysia hasil daripada perasmian penubuhan pasukan *Civil Defence Emergency Response Team – National Union of The Teaching Profession Malaysia* (CDERT-NUTP) yang berlangsung pada 7 Oktober 2017 di Perlis baru – baru ini. Saya optimis bahawa sasaran akan dapat dicapai dengan jayanya apabila berakhirnya tahun 2017 ini.

Bagi menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, seramai **123,086 anggota telah berdaftar secara atas talian**

**(\*Nota : data sehingga 22 November 2017 )** di Negeri Kelantan sahaja dengan semua 11 jajahan di Negeri Kelantan, pihak APM telah membuka Pejabat Daerah Pertahanan Awam dan beroperasi dalam memberikan latihan awalan, perkhidmatan kecemasan dan pengendalian bencana.

121

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, pegawai lantikan tetap APM di seluruh Malaysia adalah seramai 1,265 orang pegawai. Usaha-usaha sedang dilakukan bagi memohon pertambahan bilangan perjawatan khususnya bagi jawatan Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam, dengan mengambil kira keperluan pengoperasian dan pengurusan bukan sahaja bagi mengimbangi pertambahan jumlah anggota sukarela yang disasarkan, malahan dengan mengambil kira peranan dan tanggungjawab APM di dalam memberi perkhidmatan bantuan kecemasan melalui *Malaysia Emergency Response Team 999 (MERS 999)* serta selaku Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Negeri dan Daerah. Dengan cadangan pertambahan perjawatan ini, sudah pasti APM dapat melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih efisien dan lancar. Namun begitu, pertimbangan ini masih tertakluk kepada arahan Jemaah Menteri, prosedur perkhidmatan awam yang sedang berkuatkuasa dan kedudukan kewangan sedia ada.

Sekian. Terima kasih.